

LANG BAZA
Jerdon's Baza

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Aviceda jerdoni*



CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz yang kecil dengan jambul panjang yang berwarna hitam serta berwarna putih pada bahagian hujungnya. Bahagian sisi kepala dan belakang leher berwarna coklat cerah manakala pada bahagian pangkal atas sayap berwarna cerah. Pada bahagian dada terdapat jalur-jalur berwarna merah serta jalur merah yang lebar pada bahagian perut dan bawah tongkeng. Pada bahagian ekor pula, kelihatan tiga jalur melintang berwarna hitam. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai panjang keseluruhan kira-kira 46 sm.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada haiwan mamalia dan burung yang bersaiz kecil, reptilian amfibia, ikan, ketam, siput dan serangga.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, kawasan hutan tanah lembap, pada ketinggian sehingga ke 1,900 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang tinggi *pee-weeeow* atau *fweeoo* dan bunyi *ti-wuet* yang pendek dan berulang kira-kira di antara 3 hingga 4 kali. Spesies ini juga mengeluarkan bunyi *chi chichitchit chit-chit* dan bunyi *chu chit-chit chu-chit chu-chit* yang tinggi diselangi dengan bunyi *he-he-hew* atau bunyi *he-he-wi-wiwi*.

PEMBIAKAN

Spesies ini membina struktur sarang yang besar berbentuk seperti cawan yang dalam di atas pokok, pada ketinggian di antara 7-20 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna putih dan mempunyai ukuran kira-kira 44.7 X 36.6 mm secara purata.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.